

PRESS STATEMENT

IDEAS: Zahid's DNAA proves AG's independence critical, urgent commitment from government needed

Kuala Lumpur, 5 September 2023: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) expresses concern over the circumstances surrounding the granting of a Discharge Not Amounting to Acquittal (DNAA) to Deputy Prime Minister Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi for the Yayasan Akalbudi corruption case. The DNAA raises concern for several reasons.

First, the individual in question holds high public office. It is natural for there to be significant public interest in this case, which then necessitates a higher degree of transparency and accountability in all matters relating to the case. "Justice Colin Lawrence Sequerah ruled in January last year that the prosecution had successfully proved a *prima facie* case against Zahid, which means the onus then fell on Zahid to prove his innocence. To apply for a DNAA at this stage, where the prosecution is withdrawn and discontinued on the grounds that further investigation is needed, can be seen as questionable. This is why the Attorney General, who is also the top prosecutor in the country, must explain this decision to the public," said Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS. "The Attorney General should also provide a definite timeline for completing the further investigations and inquiries that were submitted as reasons for the discharge", said Dr Yeoh.

Second, the fact that the term of office of the current AG ends today also raises questions on who should be held accountable, and who should provide an explanation to the public. "Given these circumstances, it is necessary that there is proper and thorough information being provided to the public. Without this, and given the current political climate which is highly charged, the public is bound to speculate on the reasons behind the decision. I therefore urge the AG to explain this decision and provide clarity for the public. Transparency is absolutely essential to avoid further speculation," adds Dr Yeoh.

Lastly, this case is a classic example of the conflicts that arise when the offices of the AG and Public Prosecutor are fused together. With an AG-Public Prosecutor appointed by the Prime Minister who has wide discretionary powers to institute, conduct or discontinue any proceedings, there are limited checks and balance mechanisms in place to ensure decisions are free from political interests. Separation of the offices would allow the Public Prosecutor to act in the public interest, while the AG as a member of Cabinet would continue to advise the government of the day on legal matters. There have been numerous statements of commitment by different parties, most recently by Minister of Legal and Institutional Reforms Dato' Seri Azalina Othman Said, stating that the separation of the two offices will be done, although it will take time. "It is clear that the Madani government can no longer delay establishing an independent Office of Public Prosecutions. This is of utmost urgency and should be prioritised by Prime Minister Dato' Seri Anwar Ibrahim's administration.

We understand that the details will need time to execute, but what the government must do is to provide a clear timeline for the separation, which will include regular engagements with experts and civil society. The recommendations provided by [IDEAS](#) and [Bersih](#) can be a good place to start,” concludes Dr Yeoh.

–END–

For enquiries, please contact:

Aira Azhari
Senior Manager
Democracy and Governance Unit
aira@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

Kenyataan Media

IDEAS: Zahid dilepas tanpa dibebaskan buktikan kebebasan Peguam Negara amat penting, komitmen mendesak daripada kerajaan diperlukan

Untuk siaran segera

Kuala Lumpur, 5 September 2023: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) menzahirkan kebimbangan terhadap situasi dilepas tanpa dibebaskan (DNAA) Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bagi kes rasuah Yayasan Akalbudi. DNAA menimbulkan kebimbangan atas beberapa sebab.

Pertama, individu berkenaan memegang jawatan awam yang tinggi. Kes ini mengandungi kepentingan awam yang ketara, maka memerlukan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi dalam semua perkara yang berkaitan. "Hakim Colin Lawrence Sequerah memutuskan pada Januari tahun lalu bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap Zahid, yang bermakna Zahid kemudiannya bertanggungjawab untuk membuktikan dia tidak bersalah. Untuk memohon diberikan DNAA pada peringkat ini, di mana pendakwaan telah ditarik balik dan dihentikan atas sebab penyiasatan lanjut harus dibuat, boleh menimbulkan persoalan. Inilah sebabnya mengapa Peguam Negara (AG), yang juga pendakwa raya tertinggi di negara ini, mesti menjelaskan keputusan ini kepada orang ramai," kata Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS. "Peguam Negara juga harus menyediakan garis masa yang pasti untuk melengkapkan siasatan lanjut dan pertanyaan yang dikemukakan sebagai alasan pemecatan itu," kata Dr Yeoh.

Kedua, hakikat bahawa tempoh jawatan Peguam Negara berakhir hari ini juga menimbulkan persoalan tentang siapa yang harus bertanggungjawab, dan siapa yang harus memberikan penjelasan kepada orang ramai. "Keadaan sebegini menyebabkan perlu ada maklumat yang betul dan terperinci diberikan kepada orang ramai. Tanpa tindakan tersebut diambil, memandangkan iklim politik semasa yang sangat panas, orang ramai pasti akan membuat spekulasi mengenai sebab di sebalik keputusan itu.. Itulah sebabnya saya menggesa Peguam Negara untuk menjelaskan keputusan ini dan memberikan kejelasan kepada orang ramai. Ketelusan adalah sangat penting untuk mengelakkan timbulnya sebarang spekulasi," tambah Dr Yeoh.

Akhir sekali, kes ini adalah contoh jelas konflik yang timbul apabila jabatan Peguam Negara dan Pendakwa Raya digabungkan bersama. Terdapat mekanisme semak dan imbang yang terhad untuk memastikan keputusan melantik Peguam Negara-Pendakwa Raya yang mempunyai kuasa budi bicara yang luas untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan sebarang prosiding oleh Perdana Menteri, bebas daripada kepentingan politik.

Pengasingan kedua-dua jabatan ini akan membolehkan Pendakwa Raya bertindak demi kepentingan awam, manakala Peguam Negara sebagai sebahagian daripada Kabinet akan terus menasihati kerajaan mengenai hal ehwal undang-undang. Terdapat banyak kenyataan komitmen oleh pihak yang berbeza, yang terbaharu Dato' Seri Azalina Othman Said, menyatakan bahawa pengasingan kedua-dua jabatan itu akan dilakukan, walaupun ia akan mengambil masa. "Adalah jelas bahawa kerajaan Madani tidak lagi boleh teragak-agak untuk menubuhkan Jabatan Pendakwaan Awam yang bebas. Kami faham bahawa butiran itu memerlukan masa untuk dilaksanakan, tetapi apa yang kerajaan mesti lakukan adalah menyediakan garis masa yang jelas untuk pemisahan, yang akan termasuk libat urus berkala dengan pakar dan organisasi masyarakat sivil. Cadangan yang disediakan oleh [IDEAS](http://ideas.org.my) dan [Bersih](http://BERSIH.org.my) boleh menjadi sesuatu yang baik untuk bermula," kata Dr Yeoh sebagai pengakhiran.

-- TAMAT --

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Aira Azhari
Senior Manager
Democracy and Governance Unit
aira@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.